



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA


CAWANGAN TAWAU

TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH

Tel : 089 - 775620, 775621, 762750

Faks : 089 - 773688

Web : <http://portalpp.anm.gov.my/tawau/>



Ruj. Kami : JANM.TAW.600-1 Jld 4(7)
Tarikh : 3 April 2023

Ketua Jabatan

Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Pembayar Gaji
Daerah Tawau/Semporna/Kunak/Lahad Datu

Tuan/Puan,

PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan rujukan emel BPOPP/SPO (Emel)/2023 (105) bertarikh 3 April 2023 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9(28) bertarikh 20 Mac 2023 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2023 yang ditetapkan pembayaran pada **17 April 2023 (Isnin)**, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) akan membuka sekatan *overbajet* di sistem iGFMAS bagi **tempoh 10 April 2023 (Isnin) sehingga 21 April 2023 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKKA Tahun 2023 yang tidak diproses melalui **Sistem Emolumen Berkomputer Modul Human Capital Management (HCM) pada bulan April 2023**. Pembayaran *overbajet* bagi OS17000 untuk BKKA Tahun 2023 ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2023.

3. Justeru, **PTJ diingatkan agar pembayaran BKKA Tahun 2023 ini disemak dengan teliti agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan**. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. **PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKKA Tahun 2023 tidak dibuat pembayaran dua(2) kali kepada pegawai yang layak**. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk melakukan semakan kelayakan dan pengesahan ke atas senarai tersebut. Sila kembalikan lampiran *softcopy* dan *hardcopy* yang telah disahkan Ketua Jabatan bersama surat iringan Jabatan tuan/puan ke alamat emel *gaji_taw@anm.gov.my* sebelum atau pada **06 April 2023 (Khamis)** untuk tindakan pejabat ini selanjutnya.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau.